



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 3 MEI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	BIL IMPORT KITA RM55.4 BILION!, HM -ONLINE GAGAL KAWAL HARGA DEDAK PUNCA DAGING MAHAL, DALAM NEGERI, UM -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4.	KITA MASIH IMPORT DAGING SEJUK BEKU DARI INDIA, LOKAL, HM -5 MALAYSIA MASIH IMPORT DAGING SEJUK BEKU INDIA, NASIONAL, BH -15	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6.	MADACORP KESAN AKTIVITI JUJALAN BENIH PADI TAK SAH, NASIONAL, BH -16 HATI-HATI ELAK TERBELI BENIH PADI TAK SAH, LOKAL, HM -5	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7.	MANFAAT TVET LATIH OKU CEBURI BIDANG PERTANIAN, KOMENTAR, BH -11	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/5/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## Bil import kita RM55.4 bilion!



Kuala Lumpur: RM55.4 bilion. Itu nilai makanan diimport Malaysia pada 2020 berbanding RM45.3 bilion pada 2015.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, nilai import makanan menunjukkan peningkatan 22.3 peratus.

Beliau berkata, import makanan yang masih tinggi membabitkan kopi, koko, teh, rempah, bijirin dan sediaan bijirin serta bahan makanan untuk ternakan.

"Kebergantungan terhadap import adalah untuk beberapa makanan antaranya makanan ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan.

"Malaysia masih perlu mengimport komoditi makanan seperti makanan haiwan, baja dan sayur-sayuran beriklim sederhana seperti gandum, bawang dan ubi kentang:

"Ini kerana komoditi ini tidak ekonomik untuk dihasilkan di Malaysia kerana harganya akan menjadi lebih tinggi daripada import selain faktor cuaca negara yang tidak sesuai," katanya.

Ronald berkata, peningkatan import makanan juga trend yang tidak dapat dielak jika diambil kira permintaan pasaran tempatan, import bahan mentah untuk tujuan aktiviti pemprosesan dan nilai tambah.

Sebagai contoh, katanya, keratan ayam diimport untuk pemprosesan nilai tambah, walaupun pengeluaran Tahap Sara Diri untuk daging ayam sudah melebihi 100 peratus.

"Selain itu, pengimportan buah-buahan seperti oren, epal dan anggur dipengaruhi permintaan pasaran tempatan," katanya.

Menurutnya, bagi menangani perkara itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan terus melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran makanan domestik.

Antaranya, menurut beliau, meningkatkan pengeluaran padi dan beras melalui Program Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (SSNM) serta Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di samping pengenalan varieti baharu rintang penyakit, cuaca selain berproduktiviti tinggi.

"Kita akan tingkatkan pengeluaran tanaman sayur dan buah dengan membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) atau Agropark menerusi aplikasi teknologi moden seperti teknologi pertanian menegak (vertical farming) dan kilang tanaman (plant factory).

"Penekanan khusus juga diambil terhadap amalan pertanian baik seperti myGAP dan myOrganic serta Integrated Pest Management (IPM)," katanya.

Ronald berkata, kerajaan menubuhkan Lembaga Ruminan Negara bagi meningkatkan pengeluaran ternakan khususnya daging lembu.

Untuk meningkatkan pengeluaran perikanan pula, katanya, ia dibuat melalui pendekatan Ecosystem Approach Fisheries Management (EAFM) dan perluasan Monitoring, Control and Surveillance (MCS) dengan penekanan kepada pengurusan perikanan secara mampan.

"Mafi turut menggalakkan penyertaan golongan muda melalui Program Agropreneur Muda dan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan.

"Kami membantu meningkatkan akses usahawan kepada sumber kewangan melalui pelbagai skim pembiayaan di bawah Agrobank dan kerjasama strategik dengan institusi kewangan lain.

"Inisiatif dipergiatkan melalui projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12)," katanya.

Ronald juga menjelaskan pandangan umum bahawa pengeluar produk makanan tempatan tidak cukup pantas menyediakan bekalan untuk warga tempatan dan kerana itu ia terpaksa diimport adalah kenyataan kurang tepat.

Pada masa kini, katanya, negara berupaya menghasilkan kebanyakan bahan makanan asas diperlukan termasuk beras, sayur-sayuran, buah-buahan, daging ayam, itik, lembu, kerbau, telur ayam, itik, susu segar dan ikan.

"Berdasarkan kadar pengeluaran makanan negara, Tahap Sara Diri bagi daging ayam/itik, telur ayam/itik dan ikan melebihi 90 peratus.

"Bagi buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan, Malaysia sudah mencapai Tahap Sara Diri melebihi 100 peratus kecuali bagi buah mangga, kelapa, kubis, cili dan halia.

"Beberapa bahan makanan lain seperti daging lembu, beras, sayur-sayuran dan buah-buahan beriklim sederhana seperti kubis, bawang, epal, oren, untuk ini negara masih bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan domestik," katanya.

Ronald berkata, bagi komoditi pada tahap pengeluaran rendah seperti daging lembu dengan Tahap Sara Diri sekitar 22.3 peratus, tumpuan khusus dan penekanan diberikan melalui pelbagai inisiatif.

"Antaranya seperti Projek Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR), Program Pembangunan Industri Ruminan (PROPER), Skim Rezeki Ternak; penambahbaikan infrastruktur dan perluasan aktiviti pengembangan serta perkhidmatan teknikal.

"Inisiatif ini akan diterajui Lembaga Ruminan Negara kelak serta digariskan dalam Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara yang sedang dilaksanakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (JPV)," katanya.



Hasil terhad gagal penuhi permintaan

Kuala Lumpur: Petani mengakui berdepan masalah untuk memenuhi permintaan pelanggan kerana hasil pertanian yang terhad.

Ada yang berpandangan, masalah tanah terhad serta kekurangan individu yang mahu terbabit dalam bidang pertanian menyebabkan bekalan sangat terhad.

Oleh itu, ada dalam kalangan mereka terpaksa mengimport bekalan dari luar negara untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan.

Perkara ini diakui Abdul Hakim Abu Bakar, 30, yang terbabit dengan penanaman kelapa sejak lima tahun lalu.

Katanya, pada setiap bulan, kebun kelapa seluas 8.9 hektar diusahakannya di Kampung Pulau Raja, Tumpat, Kelantan mampu mengeluarkan hasil sehingga 20,000 biji kelapa.

"Namun jumlah itu hanya diperuntukkan untuk memenuhi pasaran di negeri ini saja kerana ia tidak mencukupi. Saya terpaksa dapatkan bekalan daripada pembekal kelapa dari Indonesia.

"Permintaan kelapa meningkat terutama pada musim perayaan untuk membuat dodol, serunding dan sebagainya," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Hakim berkata, dia turut difahamkan, masalah kekurangan bekalan kelapa juga dihadapi di negeri lain.

"Kekurangan petani, terutama dalam kalangan generasi muda untuk menceburi bidang ini menjadi antara punca negara tidak mampu menyediakan bekalan kelapa mencukupi.

"Pada masa depan, saya merancang meluaskan lagi penanaman kelapa supaya dapat memenuhi permintaan bukan saja pasaran Kelantan malah negeri lain," katanya.



#### Smart Sawah optimum produktiviti industri beras

Kuala Lumpur: Secara puratanya, keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara pula sekitar 70 peratus daripada keperluan itu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, negara mengimport 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun atau sekitar 30 peratus.

Sehubungan itu, beliau berkata, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Bekalan Makanan Negara pada 8 September 2020 antara lain bersetuju untuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengkaji semula kemampuan industri padi dan beras negara termasuk mengoptimumkan produktiviti di kawasan sawah sedia ada.

"Bagi mencapai hasrat itu dan menjadikan industri padi dan beras negara lebih kompetitif serta berdaya saing di sepanjang rantaian nilai industri, Mafi memperkenalkan program Smart Sawah Berkala Besar (Smart SBB).

"Secara umumnya, Program Smart SBB satu daripada inisiatif menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan melalui satu pengurusan.

"Ia sekali gus dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman serta pengeluaran hasil lepas tuai," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, majoriti pesawah dalam industri padi dan beras negara masih mengusahakan tanah sawah bersaiz tidak ekonomik iaitu kurang dua hektar.

"Pelaksanaan inisiatif akan membuka peluang kepada pemain industri untuk memainkan peranan dalam keseluruhan atau mana-mana peringkat rantaian nilai industri padi dan beras negara pasca pandemik Covid-19.

"Program ini turut menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa 3.5 tan metrik pada 2019 kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12)," katanya.

Menurut beliau, diakui ada sebahagian kecil kawasan dalam jelapang mencatatkan pengeluaran melebihi 10.0 tan metrik per hektar pada masa ini.

Namun menurutnya, kawasan jelapang dan keseluruhan kawasan luar jelapang hanya mencatatkan purata hasil per hektar masing-masing 4.4 tan metrik dan 2.5 tan metrik pada 2019.

"Setakat ini, 11 syarikat peneraju sudah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bersama Mafi.

"Mafi sedang mengadakan libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi tujuan penyelarasan pelaksanaan program.

"Pendekatan baharu ini akan membantu negara mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) beras ditetapkan dalam tempoh RMK-12 iaitu 75 peratus," katanya.

Untuk rekod, katanya, pada 2019, jumlah import beras 890,101 tan metrik bernilai RM1.5 bilion.

Menurutnya, kuantiti beras diimport pada 2019 berkurangan berbanding 2015 iaitu penurunan 7.4 peratus.



Tanah pertanian bertukar hutan batu

Kuala Lumpur: Masalah tanah pertanian yang semakin berkurangan di negara ini boleh memberi kesan kepada keselamatan makanan negara.

Jika dulu, banyak tanah pertanian subur diusahakan dengan pelbagai aktiviti pertanian termasuk sawah padi, kebun buah-buahan dan sebagainya.

Namun kini, sebaliknya berlaku apabila tanah sebelum ini dipenuhi tanaman berubah sekelip mata menjadi hutan batu.

Prof Madya Dr Normaz Wana Ismail dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, kekurangan tanah pertanian semakin serius berikutan proses urbanisasi.

"Apabila jumlah penduduk bertambah, tempat tinggal sedia ada tidak mencukupi.

"Oleh itu, tanah termasuk tanah pertanian terpaksa dikorbankan untuk pelbagai projek pembangunan seperti rumah, sekolah dan sebagainya," katanya.

Selain itu, masalah lain adalah, kebanyakan tanah pertanian di negara ini mempunyai keluasan terhad dan ia sekadar untuk menampung keperluan sendiri atau keluarga.

"Contoh, ada banyak tanah pusaka yang dipecahkan untuk dibahagikan kepada keluarga sehingga keluasannya menjadi kecil untuk aktiviti pertanian.

"Apabila bercakap mengenai keselamatan makanan negara, ia memerlukan pengeluaran berskala besar untuk menampung keperluan rakyat," katanya.

Tambah beliau, kekurangan petani terutama membabitkan golongan muda turut menyumbang kepada permasalahan tanah pertanian semakin berkurangan.

"Ramai tidak berminat menceburi bidang ini dan ia mengakibatkan banyak tanah pertanian terbiar dan ditukar status pembangunan.

"Sebenarnya, banyak inisiatif diambil kerajaan untuk melahirkan usahawan tani terutama membabitkan golongan muda namun jumlahnya masih belum mencukupi," katanya.

Beliau melihat penggunaan teknologi pertanian baharu dapat membantu mengatasi masalah pengeluaran hasil pertanian berikutan kekurangan tanah.

"Teknologi baharu ini penting untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan perkara ini dibuktikan di luar negara," katanya.

Normaz Wana turut mencadangkan penggunaan tanah yang tidak sesuai untuk pertanian, dimanfaatkan untuk aktiviti penternakan.

"Kita hanya hasilkan 25 peratus daging dan bakinya kita import dari luar.

"Untuk penternakan sebenarnya, kita ada tanah mencukupi namun berdepan masalah kekurangan penternak biarpun ia mampu memberi pulangan lumayan," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

## Gagal kawal harga dedak punca daging mahal

**ALOR SETAR:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang gagal mengawal kenaikan harga dedak menjadi punca harga daging lembu tempatan naik mendadak pada musim Ramadan dan dijangka berlarutan hingga Hari Raya Aidilfitri.

Setiausaha Kehormat Persekutuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, kenaikan harga makanan haiwan ruminan itu memberi kesan langsung kepada penternak yang kemudian mempengaruhi harga daging lembu tersebut.

Menurut beliau, harga dedak telah meningkat sebanyak RM2.50 bagi berat 50 kilogram (kg) pada minggu lalu.

Katanya, keadaan tersebut menyebabkan harga dedak yang dijual di pasaran kini mencecah RM75 bagi berat 50 kg.

"MAFI sepatutnya lebih proaktif mengawal harga dedak daripada terus melambung sehingga membebankan penternak," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau memberitahu, susulan harga dedak itu, daging lembu

tempatan melonjak melepasi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 yang dikuat kuasa pada 21 April lalu.

Mengikut aduan, peruncit menjual daging lembu tempatan pada harga RM37 hingga RM40 sekilogram iaitu melebihi SHMMP iaitu RM34 sekilogram.

"Peruncit mendakwa mereka terpaksa menjual harga yang lebih tinggi berbanding SHMMP untuk mengelakkan kerugian kerana harga yang diterima daripada pemborong tinggi," ujarnya.

Katanya, Cake juga tidak menolak kemungkinan harga dedak akan terus meningkat dalam tempoh terdekat sekiranya Kementerian Pertanian tidak mengambil tindakan drastik mengawal harga makanan haiwan ruminan itu.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi mendakwa kenaikan harga makanan haiwan ternakan di negara ini berpunca daripada kekurangan bekalan isi rung kelapa sawit yang merupakan antara bahan kandungan dalam makanan haiwan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/5/2021	HARIAN METRO	LOKAL	5

## Kita masih import daging sejuk beku dari India

**Kuala Lumpur:** Malaysia masih meneruskan pengimportan daging sejuk beku dari India biarpun berlaku lonjakan jangkitan Covid-19 di negara berkenaan.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Norfizan Mohd Noor berkata, setakat ini kerajaan masih belum memutuskan sama ada mahu menyekat pengimportan daging sejuk beku negara itu.

Sebaliknya, katanya, pro-

sedur import daging sejuk beku ke Malaysia sentiasa dipertingkatkan bagi menangani sebarang isu keraguan terhadap bekalan berkenaan.

"Kita masih benarkan pengimportan daging sejuk beku. Namun ia hanya daripada sumber rumah sembelih yang diluluskan di India," katanya di sini.

semalam. Kementerian Kesihatan sebelum ini melaporkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) belum mengeluarkan laporan berhubung jangkitan Covid-19 menerusi daging sejuk beku seperti yang ditemui oleh penyelidik China.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan

Sri Dr Noor Hisham Abdulah dilaporkan berkata, pihaknya akan meneliti perkara itu selepas verifikasi daripada WHO.

"Setakat ini, tidak ada jangkitan Covid-19 daripada daging sejuk beku yang diimport ke negara kita," katanya.

Kemboja semalam memutuskan untuk melarang

import daging beku dan produk daging dari India sebagai usaha bagi mencegah penularan wabak Covid-19 di negara rantau Asia Tenggara.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais Kemboja (GDCE), Kun Nhim dalam kenyataan berkata, larangan itu berkuat kuasa ser-ta-merta.



Kita masih benarkan pengimportan daging sejuk beku. Namun ia hanya daripada sumber rumah sembelih yang diluluskan di India"

Dr Norfizan Mohd Noor



# Malaysia masih import daging sejuk beku dari India

Prosedur pengimportan sentiasa diperketat tangani isu keraguan bekalan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia masih meneruskan pengimportan daging sejuk beku dari India biarpun kes jangkitan COVID-19 di negara itu terus melonjak.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, berkata setakat ini belum ada keputusan kerajaan, sama ada mahu melarang pengimportan daging sejuk beku dari negara berkenaan.



Belum ada arahan sekata import daging sejuk beku dari India. (Foto hiasan)

Bagaimanapun, beliau berkata, prosedur pengimportan daging sejuk beku ke Malaysia sentiasa diperketatkan bagi menangani sebarang isu keraguan terhadap bekalan berkenaan.

"Kita masih benarkan pengim-

portan daging sejuk beku dari India, namun ia hanya daripada sumber rumah sembelih yang diluluskan di India," katanya kepada BH, semalam.

Kemboja kelmarin memutuskan untuk melarang import da-

ging beku dan produk daging dari India, sebagai usaha bagi mencegah penularan wabak COVID-19 di negara rantau Asia Tenggara.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais Kemboja (GDCE), Kun Nhim, dalam satu kenyataan berkata, larangan itu berkuat kuasa serta-merta dan akan mengumumkan kemudian apabila ia ditarik balik, lapor agensi berita *Xinhua*.

Katanya, ia diambil berikutan India melaporkan lonjakan kes jangkitan COVID-19 dan kes kematian sejak kebelakangan ini.

Memetik laporan media setempat ini, Kementerian Kesihatan memaklumkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) belum mengeluarkan laporan berhubung jangkitan COVID-19, menerusi daging sejuk beku seperti ditemui penyelidik China.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya akan me-

Setakat ini belum ada keputusan kerajaan, sama ada mahu melarang pengimportan daging sejuk beku dari negara berkenaan. Kita masih benarkan import daging sejuk beku dari India, namun ia hanya daripada sumber rumah sembelih yang diluluskan di India.

**Norlizan Mohd Noor,**  
Ketua Pengarah  
Jabatan  
Perkhidmatan  
Veterinar



neliti perkara berkenaan, selepas membuat pengesahan laporan daripada WHO.

"Setakat ini, tidak ada jangkitan COVID-19 daripada daging sejuk beku yang diimport ke negara kita," katanya.

**Kemboja larang import daging beku dari India - Dunia 41**

3/5/2021

BERITA  
HARIAN

NASIONAL

16

# MADACorp kesan aktiviti jualan benih padi tak sah

76 kampil seberat 1.5 tan dirampas dari premis di Jalan Sanglang

Oleh **Muazzuzul Akbar**  
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Syarikat Perniagaan Peladang MADAS Sdn Bhd (MADACorp) mengesan penjualan benih padi disyaki tidak sah oleh pihak tertentu yang dipercayai cuba mengambil kesempatan permintaan tinggi benih padi berkualiti keluaran anak syarikat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) itu.

Ketua Pegawai Eksekutif MADACorp, Mohamad Anuar Piri Mohamad, berkata perualan benih padi tidak sah itu dikesan di sebuah premis perniagaan di Jalan Sanglang, Kubang Pasu, berhampiran ini.

Katanya, sebanyak 76 kampil benih padi seberat 1.5 tan dirampas dari premis tersebut dalam serbuan oleh pegawai penguat kuasa dari Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras, Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan cawangan Kedah pada Rabu lalu.

"Daripada jumlah itu, sebanyak empat kampil benih padi didapati menggunakan label kegunaan MADACorp. Hasil siasatan kami mendapati benih padi itu adalah benih padi tidak sah yang palsu kerana butiran os-takan pada tag biru (kod kaw-



Benih padi yang ditemui di sebuah premis perniagaan di Jalan Sanglang, Kubang Pasu.

lan) yang dikepitkan adalah palsu dan kesahihan isi kandungan beg berkenaan juga diragui.

"Nombor siri pada tag biru benih padi yang dirampas itu tidak diperuntukkan kepada MADACorp untuk 2021," katanya dalam satu kenyataan semalam sambil menambih, pihaknya sudah membuat laporan polis mengenai perkara itu bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap pemilik premis tersebut.

"Setiap kampil benih padi seberat 20 kilogram itu dijual antara RM45 hingga RM55. Perlu diingatkan anda tahu ini, benih padi sah hanya dibekalkan kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk edaran kepada petani melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sahaja. Tidak urus niaga jualan benih padi secara terus dilakukan selain oleh NAFAS," katanya.

Beliau berterima kasih kepada pembori maklumat dan petani petani.

yang prihatin serta kerjasama Pejabat Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membantu menangani isu itu.

Pada 20 April lalu, media melaporkan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PESAWAH) mendakwa berlaku riasalah kelewatan benih padi sah sehingga menjejaskan musim tanaman baharu sebahagian besar petani.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/5/2021	HARIAN METRO	LOKAL	5

# *Hati-hati elak terbeli benih padi tak sah*

**Alor Setar:** Petani di negeri ini diminta berhati-hati ketika membeli benih padi selepas Syarikat Perniagaan Peladang MADA Sdn Bhd (MADACorp) mengesan ada premis di Jalan Sanglang, Kubang pasu menjual benih padi tidak sah, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohamad Anuar Pir Mohamad berkata, sebanyak 76 kampak benih padi seberat 1.5 tan disyaki tidak sah dirampas di premis terbabit hasil serbuan pasukan pegawai penguat kuasa Kawalselia Padi dan Beras Negeri Kedah pada Rabu lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, empat kampak benih padi didapati menggunakan label keluaran MADACorp.

“Hasil daripada siasatan MADACorp mengesyaki benih padi itu adalah palsu selepas butiran cetakan di tag biru (kod kawalan) yang dikepilkan adalah palsu manakala kesahihan isi kandungan beg berkenaan juga diragui.

“Ini kerana nombor siri pada tag biru berkenaan menggunakan nombor siri yang tidak diperuntukkan kepada MADACorp untuk tahun ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Mohamad Anuar berkata, pihaknya sudah membuat laporan polis mengenai kejadian itu bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil oleh pihak syarikat terhadap pemilik premis terbabit.

# Manfaat TVET latih OKU ceburi bidang pertanian

**Dr Muidah Kheizer Omeak**  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan  
Jabatan Pendidikan  
Sains dan Teknikal,  
Fakulti Pengajian  
Pendidikan  
Universiti Putra  
Malaysia (UPM)

Di kebanyakan negara maju, pembabitatan orang kurang upaya (OKU) dengan aktiviti pertanian secara kecil-kecilan dan komersial adalah dinamik.

Latihan berbentuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diberikan secara berterusan bagi membantu OKU dalam pertanian.

Individu OKU yang bekerja dalam sektor pertanian berhadapan cabaran dalam aspek produktiviti, logistik, kekuatan mental dan fizikal.

Perkembangan tidak menyokong pembangunan OKU dalam memastikan penghidupan adil dan saksama, jelas terpapar melalui kurangnya pembabitatan mereka dalam program kemahiran tertentu.

Di desa dan pedalaman, bidang pertanian sektor penjawatan pendapat utama masyarakat. Sektor ini juga sumber makanan dan hasil pendapatan bagi menyambung penghidupan buat OKU.

Namun, penyertaan OKU masih rendah terutama dalam sektor pertanian desa. Ia perlu diperkasa melalui peluang latihan berbentuk TVET, sama ada peringkat sekolah dan institusi penyedia latihan.

Pembangunan kemahiran itu signifikan dengan mengambil kira keperluan kemahiran diperlukan dalam perusahaan pertanian dijalankan.

Dengan mengambil peluang ketersediaan institusi penyedia latihan seperti Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) dalam membekalkan latihan TVET, golongan OKU perlu dilibatkan untuk mengikuti latihan diminati.

Promosi dan sebar luas program latihan perlu dipergiatkan bagi memberi maklum kepada OKU di pedalaman. Sektor pertanian luas dan tidak terhad tanaman kontan seperti getah dan kelapa sawit. Hasil pertanian seperti buah-buahan, penterna-

kan poltri dan ikan sangkar boleh memberikan peluang kerjaya buat OKU.

Golongan OKU menetap bersama keluarga menguasai tanaman diwarisi mereka. Namun, acap kali mereka mempraktikkan kemahiran pertanian berdasarkan pengalaman dan kaedah konvensional kurang relevan dengan perkembangan revolusi industri.

Ini menyebabkan produktiviti dari segi tenaga kerja dan hasil pengeluaran tidak dapat dioptimumkan ke tahap sepatutnya. Justeru, dengan perkembangan teknologi dan sokongan pemegang taruh sektor pertanian, OKU boleh dibantu dari segi penyediaan teknologi dan latihan bersesuaian dengan jenis tanaman dan hasil perladangan diusahakan.

Wujud pandangan sinis dan skeptikal terhadap kemampuan OKU melaksanakan tugas dan tanggungjawab tertentu. Ada menganggap OKU menjadi beban dan tidak produktif.

Justeru, mereka terus dipinggirkan daripada peluang pekerjaan yang lebih baik. Sering potensi dan bakat golongan OKU tidak diketengahkan ke tahap sepatutnya.

Permasalahan ini menyumbang pengangguran dalam kalangan OKU terutama di kampung. Pihak berkepentingan perlu memperhalusi dan merangka

strategi memperkasa sumbangan OKU dalam pelbagai bidang berpotensi untuk diceburi mereka.

Justeru, bidang pertanian boleh diangkat sebagai bidang utama melatih OKU melalui TVET pertanian. Institusi penyedia latihan berbentuk TVET pertanian perlu menggiatkan usaha mempromosi program yang boleh ditawarkan kepada OKU.

Pembelian aset dan teknologi perlu disesuaikan keupayaan dan kekurangan fizikal OKU supaya mereka dapat dilatih menggunakan peralatan sama seperti pelajar TVET lain.

Teknologi seperti kimpalan, jentera dan pencetak tiga dimensi (3D) adalah peranti digunakan di kebanyakan industri. Pendedahan sebegini mempertingkatkan peluang OKU untuk ditempatkan di sektor pekerjaan.

Pengesanan OKU mengikut kategori ketidakupayaan perlu diperkasa. Pembangunan kemahiran berdasarkan keupayaan OKU perlu ditingkatkan melalui latihan TVET bersesuaian.

Untuk sektor pertanian misalnya, kecetakan dalam menghasilkan produktiviti pertanian boleh dipertingkatkan sekiranya kemahiran diperluaskan dan diberikan kepada OKU. Kaedah pembungkusan hasil pertanian seperti kerapek dan ikan pekasam sebagai contoh, banyak membabitkan kemahiran membungkus.

Dengan pengaplikasian teknologi pembungkusan terkini, output pengeluaran dapat ditingkatkan secara efisien. Pekerjaannya memerlukan kemahiran dan penguasaan minimum seperti ini boleh ditawarkan kepada OKU.

Ini dapat memberi peluang dan ruang OKU menyertai sektor pekerjaan, seterusnya menajua pendapatan kewangan untuk diri dan keluarga. Perniagaan melalui e-dagang juga boleh menjadi platform memasarkan hasil pertanian diusahakan OKU.

Ringkasnya, sikap segelintir masyarakat perlu diubah dan status quo OKU perlu dipertingkatkan melalui hasil usaha mereka dalam aktiviti pertanian diceburi.



Hasil pertanian boleh memberi peluang kerjaya kepada OKU. (Foto hiasan)